


Harga minyak dunia lesu akhiri 2018

B/HARCAP 2/1/19

MS 30

➔ Pembeli
timbang
kemelut bekalan
jauhi pasaran



Harga minyak susut lebih daripada satu pertiga pada suku keempat 2018.

Selain itu, permintaan di ekonomi baru muncul juga mula berkurangan. Gabungan kedua-dua faktor berkenaan menurunkan kedua-dua penanda aras minyak mentah itu daripada paras tertinggi dalam tempoh empat tahun masing-masing melebihi AS\$76 satu tong dan AS\$86 satu tong.

Malah, keputusan Pertubuhan Negara Pengeksport Petroleum (OPEC) dengan sekutunya termasuk Russia untuk mengurangkan hasil juga tidak cukup untuk mengembalikannya sentimen meyakinkan.

"Pasaran menjunam dengan minyak," kata Ahli Strategi Pasaran Kanan di RJO Futures, Phillip Streible.

Harga minyak susut
"Pertubuhan Negara Pengeksport Petroleum (OPEC) memutuskan untuk mengurangkan hasil tetapi pasaran tidak memberikan reaksi yang baik terhadap langkah berkenaan. Harga minyak susut lebih daripada satu pertiga pada suku keempat, kejatuhan suku tahun paling mendadak sejak suku keempat 2014.

"Brent ditutup pada 59 sen atau 1.1 peratus pada AS\$53.80 satu tong, manakala WTI ditutup lapan cents lebih tinggi pada AS\$45.41 satu tong. Menurut tinjauan Reuters, penganalisis meramalkan sentimen yang lemah pada 2019."

Seramai 32 ahli ekonomi dan penganalisis dalam satu tinjauan

berdasarkan data yang dikumpulkan oleh Reuters, penganalisis meramalkan sentimen yang lemah pada 2019.

Seramai 32 ahli ekonomi dan penganalisis dalam satu tinjauan

Houston

Harga minyak mengakhiri dagangan pada 2018 dengan kerugian setahun penuh buat kali pertama sejak 2015 selepas prestasi menyedihkan dicatatkan pada suku keempat.

Suku berkenaan menyaksikan pembeli menjauhkan diri dari pasaran berikutan kebimbangan terhadap kemelut bekalan dan petunjuk bercampur-campur berhubung pembaharuan sekatan Amerika Syarikat (AS) ke atas Iran.

Bagi tahun 2018, niaga hadapan AS West Texas Intermediate (WTI) susut hampir 25 peratus, manakala Brent susut lebih daripada 19.5 peratus.

Pasaran berada dalam landasan untuk mengaut keuntungan bagi 2018 sehinggalah pada Oktober lalu AS memberi pelepasan yang lebih besar daripada jangkaan kepada pengimport minyak Iran.

mengunjurkan purata harga Brent adalah sekitar AS\$69.13 tahun ini, lebih rendah AS\$5 daripada unjuran penganalisis sebulan lalu dan berbanding purata harga sebenar AS\$71.76 pada 2018.

Brent yang juga penanda aras global meningkat hampir satu pertiga antara Januari dan Oktober ke paras tertinggi AS\$86.74.

Itu adalah paras tertinggi sejak lewat 2014 yang juga menjadi permulaan kejatuhan pasaran di tengah-tengah kemelut lebih dalam pasaran global.

Harga minyak meningkat untuk kebanyakan tempoh sepanjang tahun dan meneruskan pemulihan pada 2017 selepas beberapa tahun dilanda kejatuhan harga yang menyaksikan banyak syarikat tenaga di AS diisytiharkan muflis.

Pembaharuan sekatan AS ke atas pengeluaran utama, Iran serta keadaan ekonomi yang sihat dan kebimbangan mengenai bekalan minyak mentah telah melonjakkan harga minyak sehingga Oktober lalu.

Bagaimanapun, langkah Washington memberikan pelepasan besar ke atas pembelian minyak Iran telah mencetuskan kebimbangan mengenai lebih bekalan global dan juga pertumbuhan ekonomi yang lemah menyelubungi pasaran.

Presiden Lipow Oil Associates di Houston, AS, Andy Lipow berkata OPEC dan pengeluaran bukan OPEC mendapati mereka bersaing dengan

Fakta
nombor

19.5 PERATUS

Minyak Brent
susut pada 2018

bekalan tambahan daripada AS yang mengejutkan pasaran.

OPEC membuka paipnya pada musim luruh berikutan permintaan mengurangkan inventori global dan kemudiannya berpatah semula kerana harga minyak terus susut.

Kumpulan pengeluaran itu susut merancang untuk mengurangkan 1.2 juta tong minyak sehari.

REUTERS